



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE: EP303

KETAMADUNAN KAUM 'AD DALAM SAINS BERDASARKAN AL-QURAN DAN SEJARAH

Halipah binti Hamzah, Zaiton binti Din

Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang), Malaysia

Abstrak

Penyelidikan ini merupakan satu perbincangan berkaitan ketamadunan kaum Nabi Hud berasaskan dalil-dalil al-Quran dan pengkajian sejarah. Al-Quran memaparkan mengenai mata air-mata air dan taman-taman yang Allah anugerahkan kepada mereka. Penggalian arkeologi di Shabwah menemukan sebuah bandar terhebat dan bangunan istana menakjubkan. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenengahkan aspek-aspek ketamadunan yang pernah dicapai oleh kaum 'Ad serta keingkaran mereka kepada perintah Allah dan nabiNya. Dalam penyelidikan ini, penyelidik memilih dua kaedah penyelidikan sebagai asas iaitu metod pengumpulan data dan metod penganalisan data. Diharapkan hasil penyelidikan ini dapat menyedarkan masyarakat supaya beriman kepada Allah, bersifat merendah diri, bersyukur, dan bertawaduk kepadaNya.

Kata kunci: ketamadunan; kaum 'Ad; arkeologi; Hadrami; Shabwah; Uber

1. Pendahuluan

Kaum 'Ad iaitu kaum Nabi Hud tinggal di Ahqaf. Ia merupakan kawasan bukit-bukit pasir yang terletak di Yaman di antara Oman dan Hadramaut. Mereka muncul selepas kaum Nabi Nuh. Kaum 'Ad merupakan golongan yang sesat setelah berlalunya satu tempoh masa selepas peristiwa banjir besar (Qutb, 2009). Majoriti kaum ini tinggal di perkhemahan yang mempunyai tiang-tiang yang besar. Mereka merupakan 'Ad Iram iaitu kaum 'Ad yang pertama. Mereka juga adalah kaum 'Ad yang terawal tinggal di bangunan-bangunan tinggi yang membawa peralatan perkhemahan (Salim, 2009). Kaum 'Ad termasyhur kerana memiliki tubuh-tubuh badan yang besar dan kuat, hidup di tanah-tanah yang subur, mempunyai kebun-kebun yang luas, hasil bumi berlipat ganda banyaknya. Dengan kekayaan yang melimpah ruah itu, mereka membina rumah dan istana sebagai tempat tinggal. Disebabkan oleh kebahagiaan hidup yang melimpah-limpah, mereka telah lupa akan asal usul kejadian mereka, tidak tahu daripada mana asalnya segala nikmat dan rahmat tersebut. Akal mereka hanya sampai kepada patung-patung yang mereka ukir sahaja. Justeru, mereka pun berterima kasih kepada patung-patung tersebut di atas segala nikmat dan rahmat, bahkan memohon pertolongan apabila ditimpa kesusahan. Selain daripada itu, mereka juga melakukan kejahatan dengan menyiksa serta menganiaya golongan yang lemah dan anak-anak kecil. Keamanan dan kebahagiaan hanya dimiliki oleh golongan yang kuat dan berani sahaja (Bey, 1995).

Allah mengutuskan Nabi Hud kepada kaum 'Ad bagi menyeru mereka supaya beriman kepadaNya, tidak menyirikkanNya, dan mengikut ajaran baginda sebagai seorang rasul. Al-Quran menceritakan bahawa kaum ini merupakan masyarakat yang membina mercu-mercu tanda di tempat-tempat yang tinggi. Mereka turut membina bangunan-bangunan yang cantik untuk keperluan diri mereka sendiri dengan harapan dapat hidup kekal selamanya di dunia ini. Akibat keingkaran mereka kepada perintah Allah dan rasulNya, kaum 'Ad akhirnya lenyap akibat angin kencang selama tujuh malam lapan hari (Qutb, 2009).

2. Sejarah kaum 'Ad

Masyarakat Arab yang hidup sebelum Nabi Ismail dikenali sebagai Arab 'Aribah. Ia terdiri daripada kabilah yang sangat banyak. Antaranya ialah 'Ad, Thamud, Jurhum, Judais, Madyan dan sebagainya (Salim, 2009; Hitti, 2001). Tidak terdapat catatan sejarah yang ditemui merkodkan mengenai kaum-kaum ini dan kehidupan mereka. Hanya dengan berdasarkan kepada runtuhannya bangunan-bangunan mereka, penemuan arkeologi, tiang-tiang batu, perhiasan, dan ukiran yang ditemui di Najd, Ahqaf dan Hadramaut menjelaskan kepada umat manusia bahawa kaum ini pernah memiliki tamadun yang kukuh, hebat, dan mengagumkan pada zaman mereka. Antara kaum-kaum ini, kaum 'Ad yang paling terkenal (Akbar Shah Najeebabadi et al., 2000).

Kaum 'Ad merupakan zuriat keturunan Nabi Nuh dan daripada zuriat golongan yang terselamat bersama baginda di dalam bahtera (Qutb, 2009). Keturunan yang selamat dalam bahtera itu secara turun temurun berkembang biak, sehingga bergantilah dengan penduduk dunia yang baharu. (Hamka, 2007). Pada peringkat awal, mereka berpegang teguh dengan agama Nabi Nuh iaitu agama Islam. Mereka menyembah Allah Yang Maha Esa. Mereka berkeyakinan Allah itulah Tuhan semesta alam kerana Nabi Nuh telah menerangkan hakikat ini kepada mereka. Namun, apabila mereka melalui zaman-zaman yang begitu lama dan hidup bertaburan di merata pelusuk dunia serta menghadapi pelbagai godaan syaitan dan dipimpin oleh nafsu, maka mereka mulai mengingkari dakwah Nabi Hud yang menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa (Qutb, 2009).

Nabi Hud yang merupakan utusan Allah kepada kaum ini adalah daripada Kabilah Khulud. Kabilah ini termasuk yang terhormat dan disegani oleh kabilah-kabilah yang lain sebagai pecahan daripada 'Ad. Nabi Hud menyampaikan risalah yang diamanahkan Allah kepadanya. Baginda menyuruh kaumnya supaya berhenti daripada menyembah Tsamud dan Hatar kerana tiada sebarang Tuhan pun yang patut disembah selain Allah. Namun, pembesar-pembesar kaumnya telah menuduhnya seorang yang bodoh atau kurang akal. Ini kerana Nabi Hud telah membantah dengan keras terhadap pusaka nenek moyang menyembah berhala itu. Menurut keyakinan mereka, menyembah dan memuja berhala itu bukanlah semata-mata ditujukan kepada berhala itu, tetapi kepada diri orang yang telah mati, yang semasa hidupnya sangat berjasa. Justeru, perbuatan Nabi Hud menyerang penyembah berhala itu dianggap sebagai suatu perbuatan orang bodoh dan tidak berakal kerana tidak memberikan penghormatan kepada orang yang sepatutnya dihormati (Hamka, 2007).

Secara jujur, Nabi Hud menafikan tuduhan yang dilemparkan kepadanya (Qutb, 2009). Bahkan dengan sifat berlapang dada seorang rasul, tuduhan yang begitu hina dijawab dengan sifat lemah lembut (Hamka, 2007). Baginda menjelaskan kepada kaumnya mengenai sumber dan tujuan dakwah agama yang dibawa olehnya di samping menjelaskan kejujurannya dalam menyampaikan dakwah dan nasihatnya kepada mereka. Semuanya dinyatakan kepada mereka dengan rasa kemesraan seorang penasihat dan dengan keikhlasan seorang rasul yang amanah. (Qutb, 2009). Baginda juga menjelaskan bahawa mereka akan mendapat azab Allah, sama ada di dunia atau di akhirat kelak lantaran enggan menerima kebenaran tersebut (Hamka, 2007).

Selain daripada itu, Nabi Hud turut memperingatkan dan menyedarkan betapa besar nikmat yang dikurniakan Allah kepada kaumnya. Sesudah musnahnya kaum Nabi Nuh, kaum 'Adlah yang diberi Allah kemuliaan dan menjadi khalifah, yang bererti pengganti daripada kaum Nabi Nuh menerima tugas menjadi khalifah di muka bumi, melanjutkan pembangunan perikemanusiaan, dapat mengolah bumi dan mengambil hasilnya, mempunyai tanah subur dan negeri makmur sehingga melimpah-limpah kekayaan mereka. Keistimewaan mereka dari segi kejadian diletakkan pada bentuk tubuh badan, orangnya putih, tinggi lampai, badan besar-besar dan tegap. Nabi Hud berseru supaya mereka ingat akan semua nikmat Allah itu dan bersyukur kepada-Nya (Hamka, 2007).

Namun, kaum yang sesat itu mencabar supaya disegerakan azab yang diancam kepada mereka untuk mengelakkan diri daripada menghadapi kebenaran, malah untuk melarikan diri daripada memikirkan kekarutan dan keremehan kepercayaan yang telah mengabdikan mereka (Qutb, 2009). Nabi Hud dengan segala kerendahan hati mengaku bahawa kekuasaan untuk melaksanakan semua perkara tersebut merupakan kuasa Allah, baginda tidak memiliki kuasa sehebat itu (Hamka, 2007). Baginda selanjutnya menyampaikan kepada mereka akibat kemurkaan yang telah diberitakan Allah kepadanya, iaitu akibat yang tetap akan menimpa mereka tanpa dapat dielakkan lagi. Tiada siapa yang dapat menahan azab Allah dan kemurkaan-Nya yang menyertai azab tersebut (Qutb, 2009).

Hal ini berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad? Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi, yang tidak pernah diciptakan seperti ini di negeri-negeri yang lain. (al-Fajr, 89: 6-8)

Berasaskan kepada tiga ayat di atas, Qutb (2009) membahaskan bahawa dalam ayat yang pendek ini Allah mengumpulkan kisah kebinasaan umat 'Ad di Iram iaitu umat 'Ad yang pertama. Menurut satu pendapat, mereka adalah daripada bangsa Arab yang tulen atau bangsa Arab desa. Tempat kediaman mereka ialah di al-Ahqaf iaitu kawasan bukit pasir di selatan Semenanjung Tanah Arab di antara Hadramaut dan negeri Yaman. Mereka merupakan kaum Badwi yang terkenal di khemah-khemah yang ditegakkan di atas tiang-tiang yang tinggi. Mereka ini telah disifatkan oleh al-Quran sebagai umat yang gagah dan ganas. Pada zaman itu suku 'Ad merupakan suku yang paling kuat dan terkenal.

3.0 Ketamadunan kaum 'Ad dalam sains

3.1 Berdasarkan al-Quran

Al-Quran menerangkan keadaan dan tindak-tanduk khusus mengenai kaum 'Ad. Nabi Hud mengecam perbuatan mereka bermegah-megah, mendirikan bangunan-bangunan semata-mata bertujuan untuk berbangga-bangga dengan kebolehan mereka, menunjuk-nunjuk kekayaan yang mereka miliki dan berlumba-lumba membina bangunan-bangunan yang tinggi. Baginda juga mengecam sikap mereka yang sombong lantaran mempunyai kebolehan dan kepintaran dalam mengendalikan kehidupan dunia. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud:

Apakah kamu membina di setiap tanah tinggi bangunan mercu tanda dengan tujuan bersuka-suka dengan sia-sia? Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal (al-Syu'ara', 26: 128-129).

Berdasarkan kepada ayat di atas, Qutb (2009) menjelaskan bahawa kaum 'Ad mendirikan bangunan-bangunan di tanah-tanah tinggi yang dapat dilihat dari jauh seolah-olah mercu tanda dan tujuan pembinaannya adalah untuk bermegah-megah serta bertanding kemahiran dan kepandaian. Justeru, Nabi Hud menamakannya sebagai bangunan untuk tujuan bersuka-suka dengan sia-sia. Jika bangunan tersebut dibina dengan tujuan untuk menjadi panduan jalan kepada para musafir yang lalu lalang, nescaya Nabi Hud tidak berkata sedemikian kepada mereka. Kaum 'Ad juga berjaya mencapai tahap kemajuan pertukangan yang baik sehingga mereka berjaya membina kilang-kilang pertukangan untuk memahat bukit-bukau serta membina istana-istana dan bangunan-bangunan mercu tanda di tanah-tanah yang tinggi sehingga terlintas di dalam hati orang ramai bahawa kilang-kilang pertukangan ini dan segala bangunan yang dibina dengan perantaraannya mampu untuk melindungi mereka daripada maut serta menyelamatkan mereka daripada kesan-kesan udara dan serangan-serangan musuh.

Al-Quran turut memaparkan maklumat yang menarik mengenai kaum 'Ad iaitu semasa menyeru mereka kepada Allah, Nabi Hud telah mengingatkan mereka dengan sebahagian daripada nikmat-nikmat berupa ternakan, anak-pinak, mata air-mata air dan taman-taman yang Allah anugerahkan kepada mereka. Perkara ini disebut dalam firman Allah yang maksudnya:

Dia telah mengurniakan kepada kamu nikmat ternakan dan anak-pinak. Kebun-kebun dan mata air-mata air (al-Syu'ara', 26: 133-134).

Merujuk kepada ayat-ayat ini, Qutb (2009) menyatakan bahawa itulah nikmat-nikmat yang biasa dikenali pada zaman itu, malah itulah juga nikmat-nikmat pada setiap zaman. Kaum 'Ad hidup bersenang lenang, kaya dengan haiwan ternakan, anak-pinak yang ramai, kebun-kebun yang subur dan mata air-mata air yang sentiasa mengalir.

Seterusnya digambarkan kedudukan peradaban mereka sebagaimana firman Allah yang maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah meneguhkan kedudukan mereka yang belum pernah Kami teguhkan kedudukan kamu seperti ini. Dan Kami telah ciptakan untuk mereka pendengaran, penglihatan, dan hati tetapi pendengaran mereka, penglihatan mereka dan hati mereka tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah (dan akibatnya) mereka telah dikepung oleh azab yang diejek-ejekkan mereka. (al-Ahqaf, 46:26)

Qutb (2009) menjelaskan bahawa kaum 'Ad yang dibinasakan ribut yang diperintah supaya menghancurkan leburkan mereka itu adalah kaum yang telah dikurniakan Allah kepada mereka kedudukan yang kukuh berupa kekuatan, harta kekayaan, ilmu pengetahuan, dan kemewahan hidup. Allah juga kurniakan kepada mereka pendengaran, penglihatan, dan hati nurani. Al-Quran mengungkapkan daya kefahaman dan fikiran itu dengan pelbagai cara yang melibatkan hati, hati nurani, daya fikiran, dan akal. Tetapi semua pancaindera dan daya fahaman ini tidak memberi apa-apa faedah kepada kaum 'Ad kerana mereka mensia-siakan dan menutupnya. Perbuatan mengingkari ayat-ayat Allah itu memadamkan pancaindera, hati serta menghilangkan perasaan, pancaran, cahaya, dan kefahaman. Hamka (2007) pula menambah bahawa kaum 'Ad itu masih jauh tinggi kedudukan, peradaban, dan kebudayaan mereka berbanding dengan kaum Quraisy. Kedudukan mereka diteguhkan kerana eloknya edaran ekonomi atau kerana tingginya mutu pembangunan sehingga mereka terkenal dengan pelbagai keahlian / kepakaran membangunkan rumah-rumah yang indah sebagai tempat tinggal.

3.2 Berdasarkan sejarah

Identiti kaum 'Ad yang membangunkan kota Iram telah menimbulkan banyak perdebatan. Dalam pelbagai catatan sejarah tidak pernah direkodkan mengenai suatu kaum yang memiliki kebudayaan yang begitu maju atau peradaban yang dikembangkan. Mungkin akan dianggap aneh bahawa nama sebuah kaum yang amat maju tidak direkodkan dalam catatan sejarah. Sebaliknya, ketidakwujudan kisah kaum ini dalam rekod dan arkib peradaban silam lama tidaklah menghairankan kerana kaum ini tinggal di Arab Selatan, sebuah daerah yang jauh terpisah dari kaum lain yang tinggal di daerah Mesopotamia dan Timur Tengah. Malahan perhubungan mereka juga terhad. Justeru, situasi ini merupakan perkara biasa bagi mana-mana negara yang kurang dikenali untuk tidak tersenarai dalam catatan sejarah. Namun, cerita-cerita mengenai kaum 'Ad ini boleh diketahui menerusi penduduk-penduduk di sekitar Timur Tengah. Alasan lain adalah disebabkan oleh faktor komunikasi bertulis yang bukan merupakan perkara yang lumrah di wilayah tersebut. Meskipun tiada catatan tertulis mengenai kaum 'Ad, maklumat mengenai keturunan mereka masih boleh diperolehi untuk mempelajari sesuatu mengenai mereka ini.

Tempat pertama yang dikesan dalam usaha mencari jejak-jejak peradaban kaum 'Ad atau keturunan mereka adalah Yaman Selatan. Di situlah ditemui Atlantis Padang Pasir Uber yang digelar sebagai Tanah Arab yang Bertuah. Di Yaman selatan, terdapat empat bangsa yang disebut oleh orang Yunani sebagai *Orang-orang Arab yang Bertuah* iaitu bangsa Hadrami, Saba', Mina dan Qataba. Dr. Mikhail H. Rahman, seorang penyelidik dari Universiti Ohio meyakini bahawa kaum 'Ad adalah nenek moyang daripada bangsa Hadrami. Gelaran Hadrami mengisyaratkan bahawa mereka mungkin merupakan keturunan daripada kaum 'Ad. Penulis Yunani bernama Pliny yang hidup pada tahun ketiga SM menggelar suku kaum ini sebagai *Adramitai* yang bererti Hadrami. Seorang ahli geografi Yunani, Ptolemy (100-170M), menunjukkan bahagian selatan Semenanjung Arab sebagai tempat kaum yang disebut Adramitai pernah tinggal. Daerah ini kini dikenali sebagai Hadramaut. Ibukota Hadrami, Shabwah terletak di barat Lembah Hadramaut. Menurut pelbagai legenda tua, Nabi Hud dimakamkan di Hadramaut.

Faktor lain yang menyokong bahawa masyarakat Hadrami adalah daripada keturunan kaum 'Ad iaitu kekayaan mereka. Orang-orang Yunani menegaskan bahawa kaum Hadram sebagai 'kaum yang terkaya di dunia'. Catatan-catatan sejarah membuktikan bahawa masyarakat Hadrami sangat maju dalam pengeluaran dan pengedaran narwastu atau dupa iaitu sejenis damar yang diperolehi daripada pokok yang sukar ditemui. Pokok tersebut merupakan salah satu tanaman paling berharga pada waktu itu. Mereka telah menemukan pelbagai penggunaan baru bagi tumbuhan tersebut dan memperluas penggunaannya. Hasil pengeluaran pertanian mereka bagi tumbuhan tersebut lebih banyak daripada pengeluarannya kini (Harun, 2002).

Penemuan penggalian arkeologi yang dibuat di Shabwah, bandar yang pernah menjadi ibukota Hadrami sangat menarik. Penggalian yang bermula pada tahun 1975 menempuh pelbagai kesukaran disebabkan oleh kesan-kesan bandar tersebut yang terbenam di bawah timbunan pasir. Di akhir penggalian, mereka menemui sebuah bandar yang terhebat. Bandar yang berpagar itu lebih luas daripada lokasi-lokasi Yaman purba yang lain dan istana yang ditemui merupakan sebuah bangunan yang menakjubkan. Antara ciri-ciri menarik bangunan-bangunan yang ditemui di Shabwah adalah tiang-tiang yang diperbuat dengan teliti. Tiang-tiang di Shabwah kelihatan sangat unik kerana bentuknya yang bundar dan disusun dalam serambi-serambi melengkung, sementara di tempat-tempat lain di Yaman setakat ini hanya menemukan tiang-tiang berbentuk empat persegi. Penduduk Shabwah pastinya mewarisi corak senibina nenek moyang mereka, kaum 'Ad. Pada abad ke 9M, Photius iaitu pemimpin Yunani Byzantin yang memerintah Konstantinopel telah melakukan penyelidikan berasaskan manuskrip-manuskrip Yunani lama. Antara manuskrip yang dirujuk ialah Agatharachides (132SM) mengenai Laut Merah. Beliau menyebut di dalam salah satu artikel-nya, "diwartakan bahawa mereka (bangsa Arab Selatan) telah membina tiang-tiang yang disaluti emas atau diperbuat daripada perak." Walaupun kenyataan tersebut tidak secara langsung merujuk kepada bangsa Hadrami, sekurang-kurangnya pernyataan tersebut memberikan gambaran mengenai kemewahan dan kecekapan pembinaan orang-orang yang tinggal di wilayah tersebut.

Pada awal tahun 1990, akhbar-akhbar terkemuka dunia menyiarkan berita 'Penemuan Lagenda Arab yang Hilang', 'Lagenda Bandar Arab Ditemui', dan 'Atlantis Padang Pasir, Uber'. Penemuan bandar ini menjadi lebih menarik disebabkan ia telah dinyatakan di dalam al-Quran. Sebelum ini, ramai yang beranggapan bahawa kisah kaum 'Ad yang disebut di dalam al-Quran ini hanya merupakan lagenda semata-mata kerana lokasinya tidak pernah dijumpai. Justeru, kekaguman mereka terhadap penemuan ini tidak lagi dapat disembunyikan. Bandar lagenda yang dinyatakan di dalam al-Quran ini telah dijumpai oleh seorang ahli arkeologi amatir, Nicholas Clapp. Beliau merupakan seorang Arabophile dan pembuat filem dokumentari yang berkualiti. Tatkala menjalankan kerja penyelidikannya, beliau telah menemui sebuah buku yang menarik mengenai sejarah Arab. Tajuk buku tersebut

ialah Arabia Felix hasil tulisan seorang penyelidik Inggeris, Bertram Thomas pada tahun 1932. Arabia Felix adalah gelaran Romawi yang diberikan kepada bahagian selatan Semenanjung Arab (meliputi Yaman dan sebahagian besar Oman pada masa kini). Bangsa Yunani menyebut daerah ini sebagai *Eudaimon Arabia* dan para sarjana Arab pada zaman pertengahan menyebutnya sebagai *al Yaman As-Saida* yang membawa maksud *Tanah Arab yang Bertuah*. Ini kerana pada zaman lalu penghuni-penghuni di daerah tersebut dikenali sebagai orang-orang yang sentiasa mendapat keberuntungan dan bernasib baik.

Thomas mengaku telah menemukan jejak-jejak sejarah sebuah kota purba yang dibangunkan oleh salah satu daripada suku kaum tersebut. Bandar tersebut dikenali oleh orang Badwi sebagai 'Uber'. Semasa lawatan beliau ke daerah tersebut, orang-orang Badwi yang tinggal di padang pasir telah menunjukkan kepada beliau laluan-laluan usang dan mendakwa bahawa laluan-laluan tersebut mengarah ke kota purba Uber. Setelah meneliti tulisan Thomas, Clapp meyakini keberadaan kota yang hilang tersebut. Tanpa banyak membuang waktu, ia memulakan penyelidikannya. Clapp cuba untuk membuktikan keberadaan Uber dengan dua kaedah. Kaedah pertama, beliau telah menemui laluan-laluan seperti yang dinyatakan oleh masyarakat Badwi. Beliau telah memohon kepada NASA (Badan Luar Angkasa Nasional Amerika Syarikat) untuk menyediakan imej satelit di kawasan tersebut. Kaedah kedua, Clapp melanjutkan penyelidikannya dengan meneliti pelbagai manuskrip kuno dan peta-peta di perpustakaan Huntington di California. Tujuannya adalah untuk menemukan peta daerah tersebut. Setelah melalui penelitian singkat, beliau menemui sebuah peta yang dilakarkan oleh Ptolemy pada tahun 200M. Peta ini menunjukkan lokasi sebuah kota purba yang wujud di daerah tersebut dan jalan-jalan yang menuju ke kota tersebut.

Apabila beliau menerima laporan bahawa NASA telah berjaya merakamkan gambar-gambar dari angkasa, beliau telah membandingkan foto-foto ini dengan peta tua yang ada di tangannya dan akhirnya Clapp menemui satu kesimpulan. Laluan-laluan dalam peta tua sama dengan laluan-laluan yang terdapat pada gambar-gambar yang diambil dengan satelit. Kesemua laluan ini menuju ke destinasi yang sama, sebuah daerah yang luas yang dipercayai kesan daripada sebuah bandar pada suatu ketika dahulu. Lokasi bandar lagenda yang menjadi topik perbualan masyarakat Badwi akhirnya dijumpai. Seterusnya, kerja-kerja penggalian dimulakan dan kelihatan sebuah bandar purba di bawah padang pasir. Bandar yang hilang ini dikenali sebagai 'Atlantis Padang Pasir Uber' (Harun, 2002)

Sejak awal penggalian lagi, kesan-kesan yang dijumpai membuktikan bahawa bandar tersebut merupakan hak milik kaum 'Ad. Sebahagian daripada struktur yang dijumpai ialah menara-menara yang mempunyai sifat-sifat seperti tiang-tiang Iram sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quran. Dr. Zarin, salah seorang daripada anggota penyelidik yang memimpin kerja-kerja penggalian menyatakan bahawa disebabkan menara-menara tersebut mempunyai ciri-ciri khusus Uber dan Iram disebut mempunyai banyak menara atau tiang, maka pasti inilah bukti kukuh bahawa tempat yang mereka gali itu adalah Iram, kota kaum 'Ad yang disebutkan di dalam al-Quran.

Saat ini, pemandangan paling sering ditemui seseorang yang melalui selatan Tanah Arab adalah lanskap padang pasir yang teramat luas. Hampir semua tempat dihampari pasir, kecuali kota-kota dan daerah-daerah yang telah dihijaukan kemudian. Gurun pasir ini telah wujud di situ sejak ratusan dan mungkin ribuan tahun. Catatan-catatan sejarah mengungkapkan bahawa daerah-daerah yang sekarang telah menjadi gurun pasir, pada suatu ketika dahulu merupakan kawasan pertanian yang subur dan produktif. Kurang daripada seribu tahun yang lampau, sebahagian besar wilayah tersebut dihampari kawasan hijau dan mata air-mata air sebagaimana disebutkan di dalam al Quran, dan para penghuninya memanfaatkan kurniaan tersebut. Hutan-hutan melembutkan cuaca di wilayah tersebut dan membuatnya sesuai untuk didiami. Padang pasir tetap wujud pada masa itu namun tidaklah seluas seperti masa kini.

Di selatan Tanah Arab, bukti-bukti penting telah diperoleh di wilayah tempat kaum 'Ad pernah tinggal yang dapat memberikan penjelasan terhadap persoalan ini. Ia menunjukkan bahawa penduduk dari daerah menggunakan sistem pengairan yang sangat maju pada zamannya. Sistem pengairan ini kemungkinan besar digunakan untuk tujuan pertanian. Imej-imej satelit juga telah mengungkapkan suatu sistem saluran air dan empangan silam yang digunakan untuk pengairan di sekitar Ramlat as Sab'atayan yang mampu menampung keperluan sekitar 200,000 orang di kota-kota tersebut. Doe, salah seorang penyelidik menyatakan, "begitu suburnya kawasan di sekitar Ma'rib, sehingga seseorang akan menganggap bahawa seluruh daerah di antara Ma'rib dan Hadramaut dahulunya pernah menjadi kawasan pertanian" (Harun, 2002)

4.0 Kebiasaan kaum 'Ad

Menurut riwayat, kaum 'Ad telah ditimpa bencana panas terik dan kemarau. Mereka dilingkungi suasana hangat dan kering. Selepas itu Allah membawa awan kepada mereka dan mereka sekaligus menyambutnya dengan riang gembira, mereka keluar beramai-ramai di wadi-wadi kerana mereka menyangka kedatangan awan-awan itu

membawa hujan. Perkataan mereka itu dijawab dengan kenyataan itulah ribut yang amat dahsyat. Ribut ini telah melaksanakan tugas yang diperintahkan kepadanya dengan sempurna. Ia telah menghancurkan leburkan segala sesuatu yang dilandanya. Sedangkan mereka sendiri, ternakan, dan harta benda mereka tidak kelihatan sesuatu apa pun. Hanya tempat-tempat kediaman mereka yang kosong dan sepi sahaja yang kelihatan tiada penduduk dan tiada penghuni (Qutb, 2009). Sehingga habislah punah kaum 'Ad itu mati tenggelam, mati hanyut, mati dilanda air, mati terhimpit batu runtuh, dan mati kerana bencana yang begitu dahsyatnya. Tidak ada lagi yang dilihat melainkan bekas rumah-rumah mereka yang telah runtuh. Tiada lagi manusia yang masih bernyawa, semuanya sudah berselerak menjadi bangkai (Hamka, 2007). Tragedi ini diceritakan di dalam al-Quran, antaranya iaitu:

Firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang pada hari nahas yang berterusan. Yang menumbangkan manusia bergelimpangan seolah-olah batang pokok kurma yang terbongkar umbinya. (al-Qamar, 54:19-20)

Menurut Qutb (2009), maksud ribut yang amat kencang ialah ribut dingin yang kuat. Hari nahas pula ialah hari kecelakaan kerana tidak ada kecelakaan yang lebih dahsyat daripada kecelakaan yang telah menimpa kaum 'Ad. Hamka (2007) menerangkan bahawa azab itu tidak berhenti-henti sehingga mereka tidak sempat tidur dan tidak sempat istirahat selama seminggu. Dapatlah dibayangkan sendiri bagaimana keadaan manusia, sebuah negeri, yang semuanya tidak dapat hidup tenang dalam masa seminggu, siang dan malam menjadi sibuk kerana di mana sahaja angin kencang berembus, sehingga tidak dapat menghidupkan api untuk memasak makanan, tidak dapat menyusun barang-barang untuk disimpan, kerana dalam sebentar waktu sahaja sudah tertimbus oleh pasir dan barang lain. Akhirnya mereka tumbang, jatuh satu demi satu lalu meninggal dunia. Qutb (2009) pula menghuraikan bahawa pada hari nahas tersebut, kaum 'Ad telah dicabut, ditarik, dan dihancurkan leburkan oleh ribut yang kencang itu. Mereka mati bergelimpangan seumpama batang-batang pokok kurma yang tumbang dan terbongkar akar umbinya. Salim (2009) menjelaskan bahawa mereka diserupakan dengan batang pohon kurma yang tidak berkepalanya. Ini kerana angin tersebut datang dan menerpa seseorang sehingga menerbangkannya ke udara lalu menjatuhkannya dengan posisi kepalanya mengenai tanah terlebih dahulu, dan terpisah daripada tubuhnya sehingga yang tersisa hanya badan tanpa kepala.

Azab ini telah menghapuskan mereka habis-habisan. Tiada seorang pun yang selamat. Demikianlah tergelungnya satu lagi lembaran sejarah kaum yang telah menolak dakwah Allah dan terserlahnya kebenaran amaran seorang rasul apabila peringatannya tidak dihirau dan dimanfaatkan mereka (Qutb, 2009). Mereka beserta kampung halaman mereka musnah dibongkar angin dingin yang dahsyat. Itulah balasan yang setimpal daripada mempertahankan pendirian yang palsu (Hamka, 2007).

KESIMPULAN

Penemuan-penemuan sejarah dan arkeologi mengesahkan kewujudan kaum 'Ad dan bandar Iram yang telah dihancurkan oleh Allah sebagaimana dipaparkan di dalam al-Quran. Sepatutnya peninggalan-peninggalan ini dijadikan sebagai iktibar daripada apa yang telah diingatkan oleh Allah di dalam al-Quran. Kaum 'Ad merupakan satu kaum yang berada di kemuncak kekuatan, kesenangan, kemewahan dan ketamadunan yang hebat. Walau bagaimanapun, kaum ini telah dibinasakan oleh Allah kerana engkar akan perintah-Nya. Mereka menolak kepercayaan tauhid, memilih ketaatan kepada manusia dan menolak ketaatan kepada Allah Yang Maha Esa. Mereka juga mendustakan rasul yang diutus kepada mereka dengan cara yang teramat keji. Selagi dunia ini masih berkembang dan selagi manusia masih menjadi penghuninya, asal sahaja orang membuka cerita kaum 'Ad, selama itulah mereka mendapat laknat orang kerana mereka telah meninggalkan teladan yang tidak baik bagi manusia dalam kedurhakaan kepada Allah. Kutukan laknat ini bukan sahaja di dunia, bahkan terus menerus hingga ke hari kiamat kerana di sana mereka akan diperiksa di atas segala dosa yang telah mereka lakukan dan nerakalah tempat yang telah disediakan bagi mereka.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim. - terjemahan

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Akbar Shah Najeebabadi et al. (2000). *The History of Islam*. Riyadh: Darussalam Int'l Publishers & Distributors.

Bey Arifin. (1995). *Rangkaian Cerita dalam al-Quran*. (Cet. 11). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. (2007). *Tafsir al-Azhar*. 10 jilid. (Cet. 7). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Harun Yahya. (2002). *Kaum-kaum yang Pupus*. (Rozalli Hashim, Terj.) Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn. Bhd.

Hitti, Philip K. (2001). *History of the Arabs*. Tenth edition. London: Macmillan Press Ltd.

Qutb, Sayyid. (2009). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. 6 jilid. (Cet. 38). Kaherah: Dar al-Syuruq.

Salim 'Ied al-Hilali. (2009). *Shahih Qishashil Anbiyaa'*. (M.Abdul Ghoffar, Terj.). 2 jilid. (Cet. 2) Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi'i.